

**IPEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI
BINTI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati Binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah justifikasi penolakan mata demerit yang dilakukan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan terhadap pemandu kenderaan berat serta apakah peranan Agensi Pengangkutan Awam Darat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem Mata Demerit dilaksanakan dengan berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 35, 35A, 37 dan 38, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (APJ 1987) dan Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Mata Demerit) 2017 yang dikawalselia oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
2. Justifikasi utama pelaksanaaan mata demerit yang dilaksanakan sekarang oleh Kerajaan menerusi Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) adalah untuk meningkatkan kadar kesedaran dan pematuhan di kalangan pemandu kenderaan motor terhadap peraturan lalu lintas.
3. Pemandu yang kerap melakukan pelbagai kesalahan lalu lintas, termasuk kesalahan tidak mematuhi had laju yang ditetapkan, memotong di garisan berkembar, menggunakan telefon bimbit semasa memandu dan kesalahan membawa muatan secara berlebihan, terutama bagi kenderaan berat, serta mempunyai banyak rekod kesalahan lebih cenderung untuk membahayakan pengguna jalan raya yang lain.
4. Pelaksanaan sistem demerit ini juga boleh membendung seseorang pemandu kenderaan motor itu daripada melakukan kesalahan secara berterusan yang akhirnya boleh menyumbang kepada berlakunya kemalangan serta kehilangan nyawa.
5. Pelaksanaan sistem mata demerit ini adalah juga merupakan salah satu usaha Kerajaan untuk memastikan pemandu-pemandu kenderaan berat mematuhi had muatan yang dibenarkan agar dapat mengurangkan kos perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan dalam membaik pulih kerosakkan jalan raya yang berpunca daripada aktiviti membawa lebih muatan.
6. APAD bertanggungjawab dalam mengawal selia dan memantau aspek perlesenan kenderaan perkhidmatan awam, kenderaan

NO. SOALAN: 98

pelancongan, kenderaan barang dan sistem rel di Semenanjung Malaysia

Sekian, terima kasih.